

1. Laporan akhir audit 1MDB diklasifikasi OSA



LAPORAN Akhir Pengauditan 1MDB yang dibentang kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini. - Foto fail Reuters

KUALA LUMPUR: Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dibentang kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini, diklasifikasi sebagai dokumen rahsia mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin, berkata ketetapan itu dibuat oleh Ketua Audit Negara.

"PAC akur dan memahami keperluan tindakan diambil Jabatan Audit Negara yang mengklasifikasikan laporan itu sebagai dokumen rahsia rasmi.

"Keputusan itu diambil berikutan ada maklumat dalam Laporan Interim Pengauditan 1MDB yang dibentang kepada PAC pada Julai lalu, dibocorkan pihak tidak bertanggungjawab secara berpilih hingga menjaskan Jabatan Audit Negara dan jawatankuasa ini.

"Sebagai jawatankuasa ditubuhkan di bawah Parlimen, adalah menjadi keperluan mewujudkan pematuhan, akauntabiliti dan menghormati undang-undang yang turut digubal institusi sama," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Hasan berkata, pihaknya akan meneliti laporan akhir itu bersama 10 prosiding terdahulu bagi melengkapkan laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB sebelum membentangkannya di Parlimen pada bulan ini dan bulan depan.

Laporan Akhir Pengauditan 1MDB sepatutnya dibentang pada 24 dan 25 Februari lalu, namun ditangguhkan kerana kebanyakan ahli PAC berada di luar negara serta memiliki komitmen lain.

PAC memerlukan laporan akhir pengauditan terhadap syarikat pelaburan strategik kerajaan itu untuk melengkapkan laporan, sebelum dibentangkan di Parlimen.



Selasa, 8 Mac 2016

2. TPPA sedia akses lebih baik untuk PKS ke Jepun



MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed melancarkan SME Bank XCESS 2016 di Kuala Lumpur, hari ini. -Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan kini mempunyai peluang dan akses lebih baik untuk mengembangkan perniagaan ke Jepun menerusi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata Jepun kini giat mempertingkatkan usaha mempromosikan pelaburan dan perdagangan di negara itu.

Beliau berkata, akses pasaran ke negara mata hari terbit itu akan menjadi lebih mudah untuk syarikat Malaysia menerusi TPPA kerana Jepun adalah antara 12 negara yang menandatangani perjanjian perdagangan baharu itu.

"Pasaran Jepun amat sukar ditembusi. Namun, Jepun kini giat mempromosikan pelaburan dan perdagangan bukan saja membabitkan syarikat besar, malah juga PKS," katanya kepada media selepas pelancaran SME Bank XCESS 2016 di sini, hari ini.

Mustapa berkata, kerajaan juga komited untuk meningkat dan mempelbagaikan eksport syarikat tempatan ke Jepun yang mana sebahagian besar eksport Malaysia ke Jepun ketika ini lebih tertumpu kepada gas.

Katanya, adalah penting untuk syarikat tempatan sama ada syarikat besar atau PKS untuk mula mengintai peluang eksport ke Jepun dengan mengeksplorasi manfaat daripada TPPA.

Beliau berkata, setakat ini kebanyakan pelaburan PKS Malaysia di luar negara adalah tertumpu di pasaran ASEAN, justeru diharap lebih banyak PKS meninjau peluang pelaburan dan perdagangan di luar rantau ini.

"TPPA dan pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN 2016 menyediakan akses lebih meluas kepada PKS tempatan dalam meningkatkan pelaburan dan perdagangan mereka di luar negara.

"TPPA akan meningkatkan peluang eksport kepada syarikat Malaysia termasuk di negara yang mana kita belum mempunyai perjanjian perdagangan bebas (FTA) seperti Kanada, Mexico, Peru dan Amerika Syarikat (AS).

"Empat negara ini mewakili kira-kira 74 peratus daripada jumlah pasaran 12 negara anggota TPPA, dengan gabungan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berjumlah AS\$21 trilion," katanya.

Mengenai AEC pula, Mustapa berkata, ia mewujudkan pelaburan tanpa batas sempadan dan secara berterusan dalam kalangan negara anggota ASEAN.

Sebagai pasaran tunggal, katanya, ASEAN kini adalah ekonomi ketujuh terbesar di dunia dan mempunyai penduduk lebih 620 juta dengan KDNK kira-kira AS\$2.5 trilion.



Rabu, 9 Mac 2016

3. Penjual DVD mengaku salah rasuah pegawai KPDNKK

PETRA JAYA: Mahkamah Khas Rasuah di sini, hari ini menjatuhkan hukuman denda RM10,000 dan penjara tujuh hari terhadap seorang penjual cakera video digital (DVD) yang mengaku bersalah merasuh penjawat awam, hujung tahun lalu.

Hakim Nixon Kennedy Kumbong menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Lai Mo Jen, 41, mengaku bersalah menawarkan rasuah kepada pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Tertuduh dituduh melakukan kesalahan itu dengan menawarkan wang RM1,500 kepada pegawai terbabit supaya tidak dikenakan tindakan kerana tidak memamer perakuan 'B' pada DVD yang dijualnya.

Dia dituduh mengikut Seksyen 17(b), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang jika sabit kesalahan boleh didenda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi dan penjara sehingga 20 tahun.



Khamis, 10 Mac 2016

4. Pasaran modal Malaysia naik kepada RM2.82 trilion tahun lalu



RANJIT (tengah) bersama Pasukan Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti menunjukkan buku Laporan Tahunan 2015 SC di Bangunan Suruhanjaya Sekuriti, Bukit Kiara, hari ini. - Foto Zulfadhl Zulkifli

KUALA LUMPUR: Pasaran modal Malaysia berkembang dalam semua segmen pada 2015, dengan saiznya meningkat kepada RM2.82 trilion atau 2.5 kali saiz ekonomi domestik.

Pasaran ekuiti meningkat sebanyak 2.6 peratus kepada RM1.70 trilion berbanding RM1.65 trilion pada 2014, manakala pasaran bon dan sukuk berkembang sebanyak 1.4 peratus kepada RM1.12 trilion.

Pasaran modal Malaysia terus menjadi sumber utama pembiayaan dengan RM90 bilion dijana melalui pasaran primer, sekali gus tahun keempat berturut-turut angka berkenaan dicapai.

Sejumlah RM86 bilion dijana menerusi bon manakala RM4 bilion lagi melalui tawaran awam permulaan (IPO), di tengah-tengah 26.5 peratus penyusutan di peringkat global.

Sebanyak RM17 bilion lagi pula dijana menerusi pasaran sekunder.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Seri Ranjit Ajit Singh, berkata pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan di sebalik suasana tidak menentu yang menjelaskan pasaran sedang pesat membangun di seluruh dunia.

"Keupayaan pasaran modal untuk kekal berdaya tahan sambil mengekalkan kepercayaan awam dan keyakinan pelabur dalam suasana global yang mencabar membuktikan usaha berterusan dilaksanakan bagi mengukuhkan kawal selia serta asas institusi," katanya.



PENGERUSI Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Datuk Seri Ranjit Ajit Singh. - Foto Nurul Syazana Rose Razman

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Laporan Tahunan 2015 SC di sini, hari ini.

Saiz Pasaran Modal Islam (ICM) berkembang 6.1 peratus kepada RM1.70 trilion pada 2015, berbanding RM1.59 trilion pada 2014.

Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah pula mencecah RM1.09 trilion pada 2015, mewakili 64.1 peratus permodalan pasaran keseluruhan.

Malaysia terus menjadi pemimpin global dalam pasaran sukuk, merangkumi 54.3 peratus daripada baki suku global setakat akhir tahun lalu.

Industri pengurusan dana pula mencatatkan pertumbuhan enam peratus dengan aset di bawah pengurusan meningkat kepada RM668 bilion pada 2015, berbanding RM630 bilion pada 2014.

Dana unit amanah, yang mengekalkan jualan bersih keseluruhan RM17.8 bilion, mencecah RM347 bilion dalam nilai aset bersih (NAB) pada akhir 2015.

Skim Persaraan Swasta (PRS) yang diperkenalkan tiga tahun lalu mencatatkan pencapaian penting tahun lalu apabila NAB melepas paras RM1 bilion untuk mencecah RM1.2 bilion.

Jumlah ahli PRS meningkat kepada 180,651 yang mewakili pertambahan 40 peratus berbanding pada Disember 2014.

5. TERAJU peruntukkan RM20j program SUPERB

CYBERJAYA: Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) memperuntukkan sebanyak RM20 juta serta mensasarkan 40 pemenang di bawah program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Husni Salleh berkata, TERAJU akan mengadakan tiga hingga empat siri pemilihan pada tahun ini bagi mencari usahawan muda berumur 40 tahun ke bawah atau syarikat permulaan yang mempunyai idea kreatif dan inovatif serta produk perniagaan berdaya maju.

Bercakap pada pemberita pada sesi akhir 'pitching' siri pertama program SUPERB 2016, Husni berkata program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pelbagai lapisan anak muda dan setelah dua tahun dijalankan lebih 5,000 penyertaan diterima.

SUPERB yang dilancarkan pada Januari 2014 dengan peruntukkan sebanyak RM100 juta bertujuan untuk membantu usahawan muda Bumiputera bertapak dalam pelbagai bidang perniagaan melalui pemberian geran sehingga RM500,000.

"Bagi sesi kali ini sahaja sebanyak 325 penyertaan diterima dan setelah melalui pelbagai saringan, sebanyak 24 peserta dipilih bagi menyampaikan idea mereka hari ini kepada panel juri terpilih yang terdiri dari usahawan dan ahli korporat terkemuka," katanya.

Husni berkata, bagi tujuh siri sebelumnya, TERAJU telah memilih 90 usahawan muda bagi pemberian geran RM500,000 setiap satu dengan peruntukan RM45 juta.

Bagaimanapun pemberian geran akan dilakukan secara berperingkat serta mengikut peningkatan usahawan seperti yang ditetapkan, katanya.

Setakat ini, kata beliau, TERAJU telah melihat kejayaan awal hasil daripada program ini, dengan beberapa usahawan permulaan telah mendapat pelaburan daripada modal teroka serta pelabur lain dari dalam dan luar negara.

"Ada antara mereka telah berjaya menempa nama hingga ke luar negara dari hasil asuhan ahli panel dan 12 agensi yang bernaung di bawah program ini," kata Husni.

Berikutan pelbagai kejayaan, program ini akan diteruskan dengan dana tambahan yang akan diumumkan nanti, tambahnya.

Selain pemberian geran, Husni berkata, TERAJU telah juga menjalin usaha sama dengan Malaysia Debt Venture Bhd untuk menyediakan skim pembiayaan projek berjumlah RM40 juta yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

TERAJU juga turut bekerjasama dengan Taman Teknologi Malaysia bagi menyediakan pusat inkubator bagi syarikat yang bernaung di bawah program SUPERB.

Sementara itu, menurut para juri pada hari ini yang terdiri antaranya Ketua Pegawai Eksekutif Touch 'n' Go Sdn Bhd Syahrunizam Samsudin dan Pengarah Urusan Zikay Sdn Bhd Datuk Mohd Kay Ibrahim, secara keseluruhan peserta tahun ini menunjukkan peningkatan dari segi idea dan melihat pasaran di peringkat global. - BERNAMA



6. Ringgit gambarkan asas sebenar pada penggal pertengahan - Zeti

Tan Sri Zeti Akhtar Aziz. - Foto Aizuddin Saad

KUALA LUMPUR: Ringgit akan menggambarkan asas-asas sebenar pada penggal pertengahan ketika Malaysia terus mencatat lebihan akaun semasa, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Katanya, pengaliran masuk pelaburan langsung asing sudah berterusan melebihi 100 tahun berikutan kedudukan Malaysia yang dilihat sebagai destinasi menguntungkan untuk para pelabur.

Malah, jelas Zeti, lebihan dagangan dan pelaburan juga menyokong ringgit selain Malaysia turut memiliki paras rizab yang sihat.

"Kita mempunyai sistem kewangan yang kukuh khususnya sektor perbankan yang memaparkan semua pengaliran kewangan ini. Sepertimana Thailand, kita juga mempunyai pasaran bon yang besar," katanya selepas mengumumkan rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan oleh BNM dan Bank of Thailand, di sini, hari ini.

Zeti turut menepis tanggapan negatif pihak tertentu terhadap ekonomi Malaysia berikutan kejatuhan harga minyak mentah global.

"Malaysia adalah negara pengeksport minyak dan apabila harga minyak serta komoditi jatuh, mereka menjangkakan ekonomi kita akan turut lumpuh.

"Namun mereka tidak sedar bahawa kita sudah menstruktur semula ekonomi negara," katanya.

Tegas Zeti, ekonomi Malaysia bukan lagi mengenai minyak dan gas kerana kira-kira 80 peratus ekonomi negara disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan.

"Malaysia sudah pelbagai dan tidak terjejas teruk akibat kejatuhan harga minyak. Hasilnya, kita masih mampu menguruskan pertumbuhan antara empat hingga lima peratus.

"Pada 2015 misalnya, kita mencatat pertumbuhan sebanyak lima peratus. Oleh kerana perkara itu kurang diperakui, maka kita perlu menghebahkan bahawa kita (Malaysia) sudah pelbagai dan tidak goyah," katanya.

Mengulas dasar monetari, Zeti mengingatkan, tidak harus ada sikap terlalu bergantung kepada dasar itu semata-mata bagi mewujudkan kestabilan ekonomi.

Ini berikutan perkembangan kadar faedah yang menghampiri paras sifar.

"Sewajarnya ada penyelarasan lebih ketara dalam kalangan negara individu itu sendiri bagi melihat aspek seperti dasar fiskal dan struktur. Malah, amat penting bagi bank-bank pusat mengambil kira pertimbangan domestik bagi tujuan penetapan agenda dasar monetari," katanya. - BERNAMA



Selasa, 15 Mac 2016

7. Tiada perancangan bubar 1MDB

KUALA LUMPUR: Kerajaan tiada perancangan untuk membubarkan syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada masa ini.

Kementerian Kewangan, dalam jawapan bertulis kepada soalan Dr Ko Chung Sen (DAP-Kampar) di Dewan Rakyat hari ini, menyatakan 1MDB sentiasa memenuhi komitmen pembayaran balik prinsipal dan faedah pinjaman dengan konsisten.

Menurut Kementerian Kewangan, syarikat itu menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda tinggi serta berinovasi.

"Antara pelaburan dijalankan 1MDB ialah Tun Razak Exchange (TRX), Bandar Malaysia dan sektor tenaga," menurut kenyataan itu.

Menurut Kementerian Kewangan, isu utama 1MDB adalah 'mismatch' antara aliran masuk daripada operasi perniagaan serta penjualan aset dengan aliran keluar pembayaran keluar faedah hutang dan prinsipal.

Ketidakpadanan berlaku disebabkan penangguhan pelan pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO) dan kesukaran penjualan tanah milik 1MDB akibat daripada pelbagai tohmahan yang dilemparkan terhadap syarikat itu.



Khamis, 17 Mac 2016

8. Pasaran modal Malaysia kekal tumpuan pelabur asing

KUALA LUMPUR: Pembabitan pelabur asing dalam pasaran modal Malaysia amat stabil walaupun seluruh dunia khususnya pasaran sedang membangun, terjejas teruk berikutan ketidaktentuan ekonomi global sepanjang tahun lalu.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Seri Ranjit Ajit Singh, berkata tahun lalu menyaksikan penguasaan pelabur asing sekitar 23 peratus dalam pasaran ekuiti tempatan, 19.1 peratus dalam pasaran bon dan 47.9 peratus dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS).

Katanya, walaupun ada sedikit penurunan, jika mengambil kira persekitaran ekonomi global dan kesan lebih teruk kepada negara luar, Malaysia masih memiliki pembabitan pelabur asing yang sihat dalam pasaran modal.

"Kita berjaya mempelbagaikan asas pelabur institusi dan runcit. Inilah yang ingin kami benarkan berlaku di sini yang menyaksikan kepelbagaian peserta yang terbabit dalam pasaran.

"Banyak perkara yang menentukan keputusan pelabur asing seperti kualiti kawal seliaan pasaran, struktur pengawal seliaan, kemudahan dan standard pengurusan serta perlindungan industri, inilah yang membezakan kita di mata pelabur.

"Malaysia menyediakan semua ini dan komited meningkatkan lagi kualiti bagi menarik lebih banyak pembabitan mereka di sini. Inilah adalah perbezaan yang menentukan keputusan pelabur pasaran sedang membangun dan pelabur global," katanya dalam temubual bersama wartawan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Ranjit berkata, kewibawaan SC yang kukuh sehingga menarik keyakinan pelabur ketika ini adalah hasil daripada pengawalseliaan mantap, struktur kawal seliaan yang kukuh dan pasukan berkepakaran tinggi dalam bidang masing-masing.

Justeru, katanya, walaupun pasaran modal sentiasa bergerak tidak menentu dan mencabar, SC memiliki tenaga kerja yang mampu fokus terhadap isu tertentu dengan tepat, sekali gus mengurangkan tekanan kepada pegawai atasan untuk menyelesaikannya.

"Berdasarkan pandangan peribadi saya, SC memiliki pasukan berkepakaran tinggi yang komited dan berdedikasi terhadap dasar serta keinginan kuat untuk menjadikan pasaran serta perniagaan di negara ini lebih baik.

"Ia sebuah operasi yang kompleks, kerana itu kami memerlukan banyak masa untuk membina kapasiti dalam organisasi supaya dapat memiliki bakat yang tepat, berpengalaman dan berkemahiran tinggi sejajar kedudukan global SC ketika ini," katanya.



Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Seri Ranjit Ajit Singh berucap pada Program Persidangan Pasaran Baru Muncul Global 2016, di Kuala Lumpur. - Foto Rosela Ismail



Khamis, 17 Mac 2016

9. Prospek ekonomi jangka panjang Malaysia kekal positif

KUALA LUMPUR: Prospek ekonomi jangka panjang Malaysia kekal menggalakkan berikutan kekuahan struktur dan kepelbaaan ekonomi walaupun penyemakan semula prospeknya kepada 'stabil' daripada 'positif', demikian menurut Moody's Investors Service.

Dalam satu nota hari ini, Moody's berkata, prospek menggalakkan itu disebabkan pembangunan infrastruktur Malaysia yang baik, sumber alam yang banyak, sektor perkhidmatan dan pembuatan di

peringkat global yang kompetitif yang akan mendapat manfaat daripada peningkatan hubungan perdagangan negara ini.

"Perubahan prospek mencerminkan kemerosotan pertumbuhan Malaysia dan metrik kredit luaran disebabkan tekanan luaran sejak setahun lalu seperti kejatuhan harga komoditi," katanya.

Menurut Moody's, harga komoditi yang lebih rendah telah mengurangkan pendapatan kerajaan.

Selain itu, ia melemahkan kedudukan luaran negara dengan pengaliran keluar modal yang banyak, kejatuhan lebihan akaun semasa, penyusutan kadar pertukaran secara mendadak serta kemerosotan rizab.

"Seperti Oman dan Peru, Malaysia mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi global sejak sedekad seperti minyak sawit, gas asli cecair, petroleum dan produk berkaitan.

"Bagaimanapun, disebabkan oleh kepelbagaiannya, ekonomi Malaysia nampak lebih berdaya tahan kepada kitaran menurun komoditi berbanding negara serantau lain," katanya.

Moody's berkata, dalam tempoh dua tahun di antara 2015 dan 2016, ia menjangka pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebenar Malaysia akan menjadi purata kepada 4.7 peratus, hampir sama dengan purata 4.8 peratus dicatat di antara 2001 dan 2013.

Mengenai industri minyak dan gas, Malaysia berusaha mempelbagaikan sumber dengan beralih daripada sektor huluan kepada aktiviti hiliran, termasuk penapisan minyak serta pemprosesan petrokimia, kedua-duanya sedikit sebanyak mendapat manfaat daripada kejatuhan harga minyak.

"Ketika Malaysia terus berusaha meningkatkan hubungan luaran, ekonominya diseimbangkan semula ke arah permintaan domestik bagi memacu pertumbuhan ekonomi.

"Ini dicerminkan dalam pengurangan keterbukaan perdagangan, diukur oleh jumlah eksport serta import barang dan perkhidmatan sebagai sebahagian daripada KDNK.

"Nisbah ini telah jatuh secara beransur-ansur, mencatatkan 134.4 peratus pada 2015 daripada paras tertinggi 188.9 peratus pada 2005," tambahnya.

10. Kuasa eksport pemacu daya saing Malaysia - Bank Jepun

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia yang juga pengeluar minyak, kekal berdaya saing biarpun berdepan kelemahan harga minyak dan ringgit berikutan kemampuan negara ini mengekalkan kelangsungan kuasa eksportnya, kata institusi pembiaya terbesar Jepun, Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Bhd (BTMU).

Bercakap kepada Bernama baru-baru ini, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Naoki Nishida turut menjangkakan daya saing relatif eksport Malaysia akan terus meningkat pada tahun-tahun mendatang hasil pemeteraian perjanjian perdagangan mega seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang menyediakan akses pasaran lebih meluas dengan halangan kastam yang lebih terhad.

Pada masa sama, katanya, kos pengeluaran bagi Petronas juga rendah jika dibandingkan dengan negara pengeluar minyak lain seperti Amerika Syarikat (AS), Rusia dan Venezuela.

"Kos pengeluaran minyak di negara ekonomi baharu muncul seperti Russia dan Venezuela adalah jauh lebih tinggi. Malah, negara-negara ini memang terjejas sedikit," katanya.

Industri minyak dan gas ternyata lembap pada 2015 apabila Brent yang juga penanda aras minyak mentah global, jatuh ke tahap AS\$61.31 setong pada Jun selepas mencecah paras kemuncaknya US\$112 pada Jun 2014.

Kejatuhan harga itu berterusan ke paras di bawah AS\$50 setong sejak Ogos 2015 dan mencecah AS\$36.66 setong pada 2 Mac, 2016 iaitu hanya tinggi sedikit daripada AS\$36.20 setong yang dicatatkan ketika krisis kewangan 2008.

Nishida juga mengunjurkan kadar pemulihan bagi pasaran minyak global adalah lebih perlahan bagi beberapa tahun akan datang berikutan masalah lebihan bekalan minyak global.

"Kalangan pemerhati pasaran mengunjurkan harga minyak mentah ini akan meningkat kepada AS\$50 setong menjelang akhir tahun ini. Namun saya secara peribadi berasaskan kita berasasib baik andai dapat melihat ia mencecah paras AS\$40 setong pada suku ketiga berdasarkan keadaan semasa," katanya.

Tambahnya, faktor peralihan permintaan-bekalan berperanan penting bagi menentukan pasaran minyak berkenaan.

"China yang juga negara pengimport minyak, mengurangkan permintaannya terhadap minyak mentah dan ini berkemungkinan meninggalkan kesan jangka panjang untuk segelintir pengeluar di AS.

"Negara Timur Tengah dan Russia juga berkemungkinan mengurangkan pengeluaran mereka bagi menampung penyusutan tunai daripada lembaran imbalan masing-masing," katanya.

Selain itu, Nishida berkata, biarpun berdepan pengurangan perbelanjaan swasta, Malaysia ternyata berjaya menguruskan ekonominya dengan baik berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Bagi prospek masa depan, beliau menjangkakan faktor-faktor luaran seperti kelemahan harga minyak, penyusutan ekonomi China dan kenaikan kadar faedah AS akan terus mempengaruhi ekonomi dunia.

"Sudah pasti akan ada kenaikan kadar faedah secara berperingkat di AS sehingga pilihan raya Presiden negara itu pada November ini.

"Jurang kadar faedah antara AS dan negara-negara ekonomi baharu muncul akan mula mengecil. Ini bermakna pengaliran balik dana dari negara-negara itu ke AS akan berterusan," katanya.

Namun, Nishida mengingatkan, perkara itu tidak seharusnya mencetuskan rasa panik.

"Ia hanyalah penyusutan, iaitu (faktor-faktor) yang menyebabkan pertumbuhan pada kadar enam peratus sebelumnya, kini sebaliknya berkurangan kepada empat dan lima peratus. Namun, angka ini masih kadar pertumbuhan yang baik," katanya.



Rabu, 23 Mac

11. 1MDB: Jual beli saham Edra selesai

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sudah menyelesaikan penjualan aset cabang tenaganya, Edra Global Energy Bhd, dengan pertukaran saham untuk tunai dengan pihak berkaitan.

Perjanjian jual beli saham (SSPA) dilaksanakan di antara 1MDB, Edra Global Energy dan anak syarikatnya, dan China General Nuclear Power Corporation dan anak syarikatnya (CGN Group) pada November tahun lalu.

"1MDB teruja untuk mengumumkan yang berikutnya pematuhan semua keadaan duluan, SSPA berjaya diselesaikan pagi ini dengan pertukaran saham untuk tunai," katanya dalam menerusi satu kenyataan, hari ini.

Penyelesaian SPPA itu menandakan tamatnya penjualan saham Edra dan anak syarikatnya, satu peristiwa penting dalam pelan rasionalisasi 1MDB seperti diumumkan Kementerian Kewangan pada 29 Mei 2015.

Di bawah SPPA itu, CGN Group bersetuju mengambil alih 100 peratus pemilikan 1MDB dalam semua aset tenaganya, iaitu Edra Solar Sdn Bhd, Edra Energy Sdn Bhd, Powertek Energy Sdn Bhd, Jimah Teknik Sdn Bhd, Jimah O&M Sdn Bhd, Mastika Lagenda Sdn Bhd dan Tiara Tanah Sdn Bhd.



12. Tak pernah bincang aset 1MDB dengan Muhyiddin – Zeti

KUALA LUMPUR: Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz menegaskan beliau tidak pernah bertemu dan berbincang secara khusus dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) di BSI Bank seperti yang didakwa bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan memang mengadakan beberapa pertemuan dengan Muhyiddin tetapi membincangkan hal lain.

Zeti berkata, beliau juga sebahagian daripada anggota yang menyertai mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai kos sara hidup yang dipengerusikan Muhyiddin.

"Saya tidak pernah bermesyuarat untuk membincangkan secara khusus (aset 1MDB). Kami mempunyai banyak pertemuan dengan beliau (Muhyiddin), saya adalah sebahagian daripada mesyuarat Kabinetnya mengenai kos sara hidup.

"Kami (Bank Negara) juga merancang untuk menubuhkan sekolah perniagaan, jadi kami perlu ke Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan kelulusan, termasuk kelulusan beliau (Muhyiddin) mengenai perkara ini," katanya dalam sidang media Taklimat Laporan Tahunan 2015 dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2015 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Muhyiddin bahawa Zeti pernah memberitahunya bahawa dana 1MDB dari Pulau Caymens tidak dimasukkan ke dalam BSI Singapore.

Zeti berkata, jika ada perbincangan dengan Muhyiddin mengenai 1MDB, ia lebih kepada mengenai apa yang berlaku.



Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz (dua dari kiri) sewaktu membentangkan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2015 hari ini. Turut hadir Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Muhammad Ibrahim (kiri).

13. Tiada asas kaitkan LTAT dengan 1MDB - Hishammuddin

MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kenyataan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli yang mengaitkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dengan syarikat pelaburan negara 1Malaysia Development Bhd (1MDB) adalah sesuatu yang tidak berasas.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata terdapat usaha pihak tertentu yang cuba memutarbelitkan fakta dalam perkara ini demi menburukkan imej kerajaan.

"Banyak kali kita sudah jelaskan bahawa LTAT tidak mempunyai kaitan dengan 1MDB, ini bukan satu tuduhan baharu dan tidak berasas.

"Adakah setiap kali Rafizi keluarkan kenyataan dan tuduhan kita perlu jawab, banyak lagi perkara lebih berfaedah kita harus jalankan," katanya dalam sidang media pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang, 2016, di sini, petang tadi.

Hishammuddin berkata, kementeriannya dan LTAT tidak perlu menjawab semua tuduhan yang dilemparkan oleh Rafizi.

"Bila kita mahu selesaikan tugas kita kalau asyik nak melayan Rafizi dan adakah setiap minggu kita hendak jawab setiap tuduhan yang dilemparkan.

"Pelbagai tindakan dilakukan pihak tertentu terhadap kepimpinan kita dan kerajaan, bagi saya paling penting adalah melihat terus ke hadapan," katanya.

Beliau berkata, siasatan berhubung isu berkenaan sedang dijalankan dan rakyat akhirnya boleh menilai sendiri tujuan sebenar pihak terbabit membangkitkan isu itu.

14. Kisah 1MDB boleh diambil iktibar - Arul Kanda*Arul Kanda Kandasamy.*

KUALA LUMPUR: Presiden dan Pengarah Eksekutif, Kumpulan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Arul Kanda Kandasamy, berkata ada pengajaran yang boleh diambil iktibar daripada pengalaman syarikat itu.

Beliau merumuskan bahawa semua entiti harus lebih telus dalam pelaporan mereka, perlu mengurangkan hutang yang berlebihan dan risiko yang tinggi dalam pengurusan syarikat.

"Antara pengajaran yang boleh dipelajari daripada pengalaman 1MDB ialah penggunaan hutang yang berlebihan harus dikurangkan.

"Pengambilan beberapa projek yang begitu besar dan kompleks di bawah satu syarikat saja juga mungkin perlu dilihat kembali," katanya dalam rancangan temu bual 'Business Plus' terbitan stesen televisyen Astro Awani hari ini.

Beliau berkata, syarikat milik kerajaan seperti 1MDB harus berkomunikasi secara berterusan, telus dan terbuka serta perlu menjawab isu yang berkaitan dari awal lagi, iaitu sejak tahun 2009, bukannya mulai 2015.

"Ini adalah apa yang kita boleh pelajari daripada apa yang telah berlaku pada 1MDB. Insya-Allah, dengan pengajaran itu, kami semua dapat mara ke hadapan," katanya.

Arul Kanda berkata, penjualan Edra Global Energy Bhd telah berjaya mengurangkan hutang 1MDB dan ia turut mempunyai lebihan tunai sebanyak RM2.3 bilion untuk meneruskan aktiviti berkaitan infrastruktur Tun Razak Exchange (TRX) dan membayar faedah untuk hutangnya yang lain.

Katanya, separuh daripada hutang 1MDB adalah dalam bentuk dolar AS dan jumlah hutang itu berubah mengikut kadar tukaran ringgit berbanding mata wang itu.

Beliau turut memetik laporan Moody's Investors Service baru-baru ini bahawa 1MDB tidak pernah menjadi isu sistemik kepada ekonomi negara.

"Selepas penjualan Edra Global Energy Bhd, isu itu semakin berkurangan.

"1MDB hanyalah sebuah syarikat yang mengalami masalah perniagaan, yang telah dipolitikkan, tetapi ia telah mengambil langkah rasionalisasi untuk mengurangkan beban hutang dan mara ke hadapan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, 1MDB akan mengumumkan pembayaran hutangnya yang lain dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi.

Katanya, syarikat ketika ini dalam fasa pembayaran hutang dan tidak akan membuat hutang baharu.

"Pada pagi ini, kami membuat pengumuman bahawa 1MDB sudah menyelesaikan secara penuh satu hutang berjumlah RM700 juta," katanya.

Sementara itu, Arul Kanda turut menafikan penglibatan Jho Low, individu yang didakwa ada kaitan dengan 1MDB, dalam apa-apa aktiviti syarikat.

"Sebelum ia (1MDB) menjadi 1MDB, Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) telah ditubuhkan di mana pemegang sahamnya ialah kerajaan Terengganu. Pada masa itu, Jho Low sudah dilantik sebagai penasihat kepada TIA," katanya.

Bagaimanapun, Arul berkata Jho Low telah meletak jawatan pada Mei 2009, sebelum saham TIA diambil alih oleh Kementerian Kewangan dan nama TIA ditukar kepada 1MDB.

"Jadi Jho Low tiada sebarang aktiviti di dalam syarikat, beliau tidak dibayar oleh syarikat dan tidak diberikan apa-apa tugas untuk syarikat," katanya



Rabu, 30 Mac 2016

15. Siasatan MARA Inc, 3 bebas dengan jaminan

PUTRAJAYA: Tiga individu, termasuk bergelar Datuk yang direman bagi membantu siasatan berhubung kontroversi pembelian aset Dudley International House di Melbourne, Australia, dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mereka dibebaskan masing-masing atas jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin.

Perintah berkenaan dikeluarkan oleh Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman di sini, sebentar tadi.

Ketiga-tiganya membabitkan bekas pengurus dan bekas ketua pegawai eksekutif MARA Inc bergelar Datuk serta seorang pengarah sebuah syarikat berusia 42 tahun yang ditahan pada 23 Mac lalu sebelum direman tujuh hari berakhir hari ini.

Sayap pelaburan Majlis Amanah Rakyat (MARA) itu terpalit dengan kontroversi berikutnya pendedahan akhbar Australia 'The Age' yang mendakwa ia membeli bangunan lima tingkat pada harga lebih tinggi berbanding pasaran.

Susulan itu, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dilaporkan berkata, kedua-dua pegawai kanan itu direhatkan sementara mulai Julai tahun lalu bagi membantu siasatan.

Pada 18 Mac lalu, Pengurus MARA, Tan Sri Annuar Musa, hadir ke Ibu Pejabat SPM di sini bagi menyerahkan maklumat terkini dalam usaha membantu siasatan berkaitan isu berkenaan.



Rabu, 30 Mac 2016

16. TPPA pacu industri halal - Mustapa

KUALA LUMPUR: Penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang dimeterai di New Zealand bulan lalu dijangka memacu pertumbuhan industri halal negara, sekali gus meningkatkan penyertaan syarikat tempatan di pasaran antarabangsa.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata menerusi TPPA, peluang perdagangan dan pelaburan dalam industri berkenaan menjadi semakin luas kerana beberapa negara ahli menunjukkan minat mendalam untuk meneroka peluang dalam industri halal.

"Kita memiliki hubungan yang akrab dari segi diplomatik dan perdagangan dengan Jepun. Dengan TPPA, hubungan ini akan menjadi semakin rapat apabila negara matahari terbit itu berminat untuk meneroka dan mempromosikan industri halal tidak hanya merangkumi sektor makanan dan minuman, malah ia lebih meluas hingga ke farmaseutikal dan pelancongan.

"Negara ahli juga mengiktiraf persijilan dan logo halal Malaysia. Malaysia dan Brunei, sebagai negara memiliki majoriti Islam memiliki potensi untuk mengembangkan perniagaan dalam bidang ini secara meluas di pasaran antarabangsa," katanya pada sidang media majlis perasmian Minggu Halal Dunia 2016 (WHW 2016), di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan; Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria; Pengurus Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Noraini Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE, Datuk Dzulkifli Mahmud dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Datuk Seri Jamil Bidin.



Rabu, 30 Mac 2016

17. 1MDB tidak lewat bayar projek PUKL - Lordin

PETALING JAYA: Tidak berlaku sebarang kelewatan bayaran daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) kepada Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) bagi projek penempatan semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL), kata Tan Sri Lordin Wok Kamaruddin.

Lordin yang juga Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), syarikat induk PPHM, berkata pembayaran daripada 1MDB berjalan mengikut jadual kepada PPHM.

"PUKL adalah projek besar bagi PPHM. Pembayaran oleh 1MDB adalah mengikut jadual dan pembayaran kami kepada sub-kontraktor, yang kebanyakannya Bumiputera, juga adalah sehingga tarikh terkini," katanya di luar mesyuarat agung tahunan Boustead Heavy Industries Corp Bhd, di sini, hari ini.

Lordin juga Penggerusi BHIC dan 1MDB.

Beliau menegaskan tidak timbul sebarang isu kelewatan bayaran kepada PPHM, kerana masalah seperti itu kadang-kadang berlaku dalam industri.

"Sebagai kontraktor, anda perlu berdepan situasi yang mana kadang-kadang anda dapat wang lebih awal, kadang-kadang anda dapat wang lambat sikit.

"Tetapi kontraktor tidak boleh bergantung kepada satu atau dua projek. Mereka perlu memastikan mereka mempunyai projek yang menguntungkan dan aliran tunai perlu kukuh untuk menyokong projek seumpama ini," katanya.

Projek PUKL juga tidak membawa sebarang kesan kepada semua paras kewangan LTAT, katanya.

"Kami kukuh, tabung (LTAT) selamat dan kami mempunyai petunjuk prestasi utama ini yang mana ahli-ahli akan diberikan wang mereka dalam tempoh 24 jam selepas mereka menerima kertas kelulusan daripada Menteri Pertahanan.

"Jadi, kami beri jaminan bahawa apabila anda membawa dokumen lengkap anda daripada Menteri Pertahanan, anda akan dapat wang anda dalam masa 24 jam. Saya sedih dengan segala tuduhan yang dilemparkan oleh sesetengah pihak bahawa kami tidak membayar ahli-ahli kami untuk sekian lama," katanya.

Lodin berkata demikian sebagai mengulas tuduhan tidak berasas (yang dibuat oleh Setiausaha Agung PKR Rafizi Ramli) bahawa janji niaga PPHM dengan 1MDB dalam projek penempatan semula itu adalah alasan kelewatan pembayaran gratuity kepada pesara angkatan tentera yang tidak layak menerima pencen.

Pada 2013, 1MDB menganugerahkan kontrak bernilai RM2.1 bilion kepada LTAT untuk membangunkan lapan tapak bagi projek penempatan semula PUKL daripada lapangan terbang lama Sungai Besi yang akan dibangunkan menjadi Bandar Malaysia.

LTAT menjalankan pembangunan itu menerusi PPHM.

"Usaha pemindahan ke lokasi seperti Subang, Sendayan, Kuantan dan Kajang sedang dilaksanakan dan disasarkan siap tahun depan. Manakala, pembayaran berkaitan adalah mengikut jadual," katanya.

Sementara itu, Lodin berkata beliau bersetuju dengan kenyataan oleh Presiden dan Pengarah Eksekutif 1MDB baru-baru ini yang menyatakan terdapat iktibar yang perlu dipelajari daripada pengalaman 1MDB, yang mana ia sepatutnya mengurangkan hutang berlebihan serta risiko tinggi dalam pengurusan.

"Saya menyokong sepenuhnya pandangan beliau dan apa yang beliau lakukan. Apabila anda membangunkan projek mega seperti mana yang 1MDB terlibat, anda tidak boleh terlalu bergantung kepada dana pinjaman.

"Perlu ada gabungan modal oleh pemegang saham dan sedikit wang yang dipinjam. Anda tidak boleh bergantung penuh kepada pinjaman," katanya.

Beliau berkata, ketidakupayaan 1MDB menyenaraikan Edra Global Energy Bhd pada 2014 adalah satu daripada alasan utama mengapa syarikat milik kerajaan itu berada dalam situasi kewangan ini.

"Jika Edra disenaraikan pada akhir 2014, mereka akan mempunyai wang mencukupi untuk membayar balik kepada pembiutang dan bank-bank.

"Jadi semua isu-isu kegagalan pembayaran tidak akan berlaku," katanya.



Khamis, 31 Mac 2016

18. Tiada dana 1MDB masuk ke akaun peribadi PM



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menegaskan syarikat milik kerajaan itu tidak membayar sebarang dana kepada akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Dalam kenyataan hari ini, 1MDB berkata, susulan siasatan yang menyeluruh, ini telah disokong oleh pelbagai pihak berkuasa, yang telah mengesahkan bahawa dana ini dari Arab Saudi.

Katanya walaupun demikian, Wall Street Journal (WSJ) terus mengulangi dakwaan yang sama, tanpa memberi sebarang bukti kukuh untuk mewajarkan dakwaan berkenaan.

"Kami mempersoalkan masa serangan baharu ini, timbul hanya beberapa hari selepas 1MDB mengumumkan ia berjaya menyelesaikan penjualan saham dan perjanjian pembelian untuk Edra Global Energy Bhd," katanya.

Selain itu, 1MDB mengesahkan hasratnya untuk membayar balik hutangnya sebanyak RM6 bilion dalam beberapa minggu akan datang, yang membawa kepada semua hutang jangka pendek dikeluarkan daripada lembaran imbangan syarikat itu, katanya.

"Langkah ini mencerminkan kejayaan besar 1MDB melalui pelan rasionalisasinya, dan kami kekal komited untuk memastikan proses ini selesai walaupun serangan berulang terhadap syarikat,"



Khamis, 31 Mac 2016

19. Muhyiddin nafi berbohong



BEKAS Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan berbohong mengenai pertemuannya dengan Gabenor Bank Negara (BNM), Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan penjelasan diterimanya mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Muhyiddin turut memandang serius kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, yang mendakwa bekas Timbalan Perdana Menteri itu berbohong mengenai pertemuan dengan Zeti.

Muhyiddin mendakwa, Zeti memberitahunya beberapa maklumat mengenai 1MDB secara lisan.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika itu, beliau berhak mengetahui secara terperinci isu penting negara.

"Sudah menjadi kebiasaan ketua agensi kerajaan datang menemui saya untuk memaklumkan perkembangan sesuatu isu.

"Saya ingin menegaskan saya sama sekali tidak berbohong dan Zeti juga tidak menafikan sepenuhnya kenyataan saya.

"Mohd Puad membuat andaian saya berbohong kerana dia tidak mengetahui apa yang sebenarnya berlaku," katanya menerusi entri Facebook miliknya.

Pada 23 Mac lalu, Zeti dilaporkan berkata tidak pernah bertemu dan berbincang secara khusus dengan Muhyiddin mengenai aset 1MDB di BSI Bank seperti didakwa bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan mengadakan beberapa pertemuan dengan Muhyiddin tetapi membincangkan hal lain.

Zeti mengulas kenyataan Muhyiddin yang mendakwa Gabenor BNM itu pernah memberitahu dana 1MDB dari Pulau Cayman tidak dimasukkan ke dalam BSI Singapore.

Mengulas kenyataan Zeti, akhbar ini pada 25 Mac lalu menyiaran komen Mohd Puad yang mendakwa Muhyiddin sanggup berbohong demi kepentingan peribadi membabitkan pertemuan dan perbincangan dengan Zeti mengenai aset 1MDB di BSI Bank.

Mohd Puad berkata, pendedahan Zeti itu bukan mengejutkan kerana Muhyiddin gemar melakukan provokasi walaupun terpaksa berbohong sehingga ada yang mudah terpengaruh dan tertipu kononnya beliau di pihak yang benar.

Muhyiddin berkata, tuduhan Mohd Puad kononya beliau berbohong mengenai pertemuan dengan Zeti dipandang serius.

"Dalam pertemuan saya dengan Zeti, saya dapat tahu pihak Monetary Authority Singapore menyerahkan satu laporan kepada BNM berkenaan wang 1MDB yang tidak dimasukkan ke dalam akaun Bank BSI di Singapura," katanya.

20. Arul Kanda nafi kononnya letak jawatan

KUALA LUMPUR: Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Arul Kanda membetulkan salah tanggapan sesetengah pihak bahawa kononnya beliau akan meninggalkan firma pembangunan strategik milik kerajaan itu.

Sebaliknya, Arul menegaskan, apa yang beliau perkatakan dalam dalam satu temubual dengan agensi berita kewangan yang disiarkan hari ini adalah mengenai tanggungjawabnya selesai susulan pelan rasionalisasi kumpulan itu sudah berjaya.

"Saya menafikan saya mengatakan saya telah atau akan meletak jawatan. Apa yang saya katakan ialah tugas saya selesai dengan kejayaan rasionalisasi," katanya kepada BH menerusi WhatsApp hari ini.

Salah tanggapan itu timbul susulan ada laporan membayangkan beliau akan meninggalkan firma berkenaan setelah menyatakan tugasnya sudah selesai di 1MDB dan meninggalkan syarikat dengan dana yang sudah diperoleh.

Pada 5 Januari 2015, 1MDB mengumumkan pelantikan Arul sebagai Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB berkuat kuasa serta merta dengan tempoh kontraknya adalah selama tiga tahun.

21. Jangan jadikan Kevin Morais bola sepak politik - SPRM

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak pernah mendapatkan nasihat mendiang Datuk Anthony Kevin Morais berhubung siasatan berkaitan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) atau Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, berkata Morais dipindahkan daripada SPRM pada Julai 2014, setahun sebelum siasatan 1MDB bermula dan tidak pernah menghadiri mana-mana mesyuarat khas pasukan petugas yang dipengerusikan oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

"Oleh itu, Kevin (Morais) tidak boleh dan tidak terbabit dalam menyediakan sebarang kertas pertuduhan berkaitan dengan 1MDB atau perdana menteri.

"Sebarang kenyataan yang bercanggah adalah palsu sama sekali," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Abu Kassim berkata Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Azam Baki telah mengesahkan kepada umum masing-masing pada September dan Disember tahun lalu bahawa Morais tidak pernah terbabit dalam siasatan berkaitan 1MDB atau perdana menteri.

"Kematian Kevin (Morais) adalah tragedi. Beliau harus dibenarkan untuk bersemadi dengan tenang dan tidak digunakan seperti bola sepak politik," katanya.